

CNS0043

U GB 31-05 00160 BH256

AAB

Mahathir - Yayasan

RAKYAT SABAH DITIPU RM4,000 JUTA, KATA MAHATHIR

KOTA KINABALU, 31 Mei (Bernama) -- Sejumlah RM3,000 juta hingga RM4,000 juta kepunyaan Yayasan Sabah dilesapkan pihak tertentu semasa pemerintahan kerajaan negeri Sabah sebelum ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mendedahkan, hari ini.

Dr Mahathir berkata: "Saya dapati rakyat Sabah tertipu kerana kajian yang dibuat setakat ini mendapati lebih kurang RM3,000 juta hingga RM4,000 juta sudah lesap begitu sahaja".

Katanya, wang itu sepatutnya dimiliki Yayasan Sabah atau kerajaan negeri tetapi kerajaan negeri didapati mengalami kekurangan wang.

"Kita ingin tahu siapa yang buat perkara ini. Ia tidak patut berlaku kerana ini duit rakyat," katanya pada persidangan akhbar di Lapangan Terbang Antarabangsa di sini sebelum berlepas pulang ke ibu negara selepas lawatan singkat ke Sabah untuk menghadiri sambutan Pesta Maamatan.

Perdana Menteri berkata, kerajaan sedang menyelidiki perjalanan Yayasan Sabah untuk membolehkan ia dibersihkan daripada sebarang penyelewengan. -- Lagi.

▼31/05/19-56MST

U GB 31-05 00178 BH257

AAB

Mahathir, - Yayasan 2 Kota Kinabalu

Menurutnya, apabila sesebuah kerajaan berkuasa di Sabah sebelum ini, berlaku kecenderungan mengambil alih kawasan atau tanah yang diberi kepada orang tertentu untuk diberikan semula kepada orang lain.

"Setiap kali ini berlaku dan ada orang sudah belanja banyak dan dia anggap dia punya kawasan, tiba-tiba diambil balik dan diberi kepada orang lain. Jadi kita kena selidik siapa sebenarnya yang berhak terhadap tanah dan kawasan balak Yayasan Sabah," katanya.

Dr Mahathir berkata, kerajaan BN mahu menyelidik secara mendalam kerana tidak mahu mengulangi pentadbiran yang dianggap tidak adil semasa pemerintahan tiga kerajaan negeri sebelum ini.

"Sekiranya kita memerintah secara lama, secara tiga kerajaan yang ada dulu, dan kita anggap tidak adil, bila BN jadi kerajaan, kita pula ambil dan kita pula bagi kepada kawan-kawan kita. Jadi tidak ada keadilanlah macam itu.

"Jadi kita hendak tahu apa asas pengagihan kawasan-kawasan, apa asas pengeluaran lesen dan sebagainya. Kita hendak perintah Sabah secara adil kepada semua pihak. Walaupun dia dari parti lawan, kita mesti adil. -- Lagi.

▼31/05/19-59MST

U GB 31-05 00177 BH262

AAB

Mahathir - Yayasan 3 (Akhir) Kota Kinabalu

Anak-anak syarikat Yayasan Sabah merupakan antara agensi kerajaan negeri yang diaudit sebuah firma audit swasta, berikutan kegagalan mereka mengemukakan laporan kewangan tahunan masing-masing.

Sebelum itu, Lembaga Pengarah Yayasan Sabah yang baru dipengerusikan Ketua Menteri, Tan Sri Sakaran Dandai menggugurkan Datuk Dr Jeffrey Kitingan sebagai Pengarah yayasan itu dan melantik Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Khalil Jamalul sebagai pentadbir sementara.

Dewan Undangan Negeri Sabah dalam persidangan awal bulan ini, meluluskan satu rang undang-undang membolehkan Ketua Audit Negeri menjalankan pengauditan terhadap perjalanan yayasan itu.

Mengenai prestasi kerajaan negeri yang memerintah sejak dua bulan yang lalu, Perdana Menteri berkata, daripada segi pentadbiran, ia sudah disusun dan beliau percaya ia sudah mempunyai asas-asas yang kukuh.

Yang masih menjadi masalah sekarang ialah untuk menentukan keadaan sebelum ia diambil alih kerajaan BN sekarang, tambahnya.

"Apakah ada penyelewengan atau tidak? Siapa yang menyeleweng, siapa yang mengambil hak rakyat Sabah untuk diri sendiri? Semua ini kita hendak selidik," katanya. -- Bernama.

MOK OPP ZAA JS KAM.

▼31/05/20-27MST